

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 17 JANUARI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	KERAJAAN SEDIA KAJI BERI INSENTIF NELAYAN IKAN DALAM SANGKAR DI LAUT DALAM, ASTRO AWANI -ONLINE PERMODENAN VESEL LAHIR NELAYAN BERPENDAPATAN LUMAYAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	PEMILIK DILARANG BAWA KELUAR ANJING, SETEMPAT, HM -22 HUBUNGAN BAIK PANTAU VIRUS CHIKUNGUNYA, SETEMPAT, HM -22 PBT DIARAH BANTU TANGANI WABAK, SETEMPAT, HM -22 RABIES BELUM DIJANGKITI MANUSIA, SETEMPAT, SH -35 PEMILIK DITEGAH BAWA ANJING TANPA KEBENARAN, SETEMPAT, SH -35 KAWALAN SEMPADAN DIPERKETAT ELAK PENULARAN WABAK RABIES, UTUSAN BORNEO -ONLINE DUO BITTEN BY RABID DOG CLEARED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5 "BE RESPONSIBLE FOR YOUR PETS", NEWS, STAR METRO -4 IMPORTS OF FROZEN CHICKEN FROM CHINA STOPPED THREE YEARS AGO SINCE VIRUL FLU, NATION, CHINA PRESS -A21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
12. 13.	PASUKAN KHAS JABATAN PERIKANAN SIASAT, SETEMPAT HM -24 TOMBOT BIAK MENDADAK, SETEMPAT, HM -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14. 15. 16.	BEKALAN IKAN CUKUP, LKIM JAMIN HARGA KEKAL, NASIONAL, AMANAH MINGGUAN -10 HARGA IKAN DAH TURUN, SETEMPAT, HM -2 NELAYAN DAPAT BANTUAN BAIKI BOT, PUKAT, NEGERI, HAKAKAH -N14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Kerajaan sedia kaji beri insentif nelayan ikan dalam sangkar di laut dalam



Salahuddin mahu NEKMAT mengemukakan cadangan yang berkesan kepada kementerian termasuk model-model terbaharu yang boleh dijadikan rujukan untuk membantu mereformasikan industri perikanan melibatkan golongan nelayan. - BERNAMA/Fail

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan sedia menimbang cadangan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) untuk menyediakan insentif kepada nelayan yang mengusahakan penternakan ikan dalam sangkar di laut dalam.

Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pada masa sama menjelaskan, pihaknya akan mengkaji bantuan-bantuan sewajarnya yang boleh disalurkan untuk tujuan berkenaan.

Bagaimanapun katanya, NEKMAT juga perlu mengemukakan cadangan yang berkesan kepada kementerian termasuk model-model terbaharu yang boleh dijadikan rujukan untuk membantu mereformasikan industri perikanan melibatkan golongan nelayan.

"Saya tiada masalah tentang cadangan NEKMAT itu, kerana mereka lebih faham dalam dunia mereka. Mereka pun menjadi payung kepada seluruh nelayan. Kalau itu suatu yang dilihat boleh memberikan nilai tambah kepada interaksi itu, saya akan melihat apakah bantuan-bantuan yang sewajarnya yang boleh kita berikan kepada NEKMAT. Mereka kena keluarkan model yang mungkin telah berjaya di negara lain. Tentang bagaimana sangkar-sangkar ini boleh diwujudkan di dalam kawasan periran laut dalam. Ini penting untuk kita pastikan bekalan ikan kita cukup," katanya kepada *Astro AWANI* selepas rakaman program *Analisis AWANI* di sini pada Rabu.

Setakat ini, katanya, Malaysia boleh dianggap sudah berjaya dalam industri akuakultur memandangkan ia telah dapat memenuhi pasaran dalam dan luar negara.

"Ikan seperti kerapu, jenahak, siakap dan ikan merah adalah antara industri mendapat sambutan dan tiada masalah pasaran kerana cukup masa mereka boleh jual ke negara luar," ujar beliau.

Bagaimanapun, negara masih perlu belajar bagi sektor penternakan ikan dalam sangkar di laut dalam dengan negara-negara yang mempunyai kepakaran seperti New Zealand.

"Mungkin dari segi latihan teknologi akan kita pastikan industri ini diberi kefahaman dengan memberi pengetahuan kepada orang muda dan siswazah. Kementerian saya akan pastikan pelan pengukuhan kita akan beri mereka bantuan yang secukupnya," katanya.

Pada masa sama, beliau berharap usaha memodenkan industri perikanan mencapai matlamat dengan membekalkan pengetahuan secukupnya kepada orang muda.

"Saya yakin bila anak muda dibekalkan dengan pengetahuan, saya yakin kita boleh bergerak dengan pantas untuk memajukan sektor pertanian dan perikanan dalam negara kita," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Pemodenan vesel lahir nelayan berpendapatan lumayan



**TERBAIK:** Sim (enam kanan) bersama tetamu dan pegawai kanan syarikat serta pembeli vesel bergambar kenangan berlatarbelakangkan kedua-dua vesel tersebut.

**MIRI:** Nelayan di negara ini mampu memperolehi pendapatan lumayan melalui program pemodenan vesel yang akan menjadi titik perubahan dalam cara penangkapan ikan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin memberitahu, program pemodenan vesel juga memberi peluang kepada nelayan tempatan untuk menerokai laut dalam, sekali gus memperluas zon penangkapan ikan mereka.

“Di bawah program pemodenan vesel, ini, kementerian amat menggalakkan nelayan tempatan untuk sama-sama mengambil peluang menerokai aktiviti penangkapan ikan laut dalam kerana vesel serba moden ini direka khas untuk membawa mereka pergi lebih jauh dan memperolehi tangkapan lebih banyak, sekali gus ia akan memberikan tangkapan yang lumayan kepada mereka dan kita berhasrat agar semua bot nelayan sedia ada yang diperbuat daripada kayu ditukar kepada vesel moden ini sedikit demi sedikit,” tambahnya.

Vesel penangkapan ikan moden itu katanya, dibina mengikut 12 standard piawaian serta memenuhi syarat dan keperluan kebersihan atas vesel (HOB) bagi tujuan pengeksportan produk perikanan ke luar negara dan pensijilan bagi keselamatan makanan produk perikanan terutamanya ke negara-negara Eropah.

Vesel bernilai RM4 juta itu tambahnya lanjut, mampu memberi tangkapan lumayan dan yakin nelayan mampu untuk membayar balik dalam tempoh beberapa tahun kerana beberapa bank yang memberi kerjasama dengan program kementerian itu memberi jaminan untuk mengenakan kadar bunga rendah.

“Selain itu, vesel berkenaan yang dilengkapi peralatan menangkap ikan moden tidak memerlukan ramai nelayan atau anak kapal, cukup tiga orang sahaja mengendalikannya.

“Ini bermakna nelayan keuntungan akan meningkat kerana hendak membayar gaji anak kapal, khususnya nelayan asing bukannya kecil, sebaliknya dengan menggunakan tenaga tempatan beberapa orang sahaja sudah memadai,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Menurut Sim lagi, dengan pengurangan anak-anak kapal, ia secara perlahan-lahan akan membantu menghentikan penggunaan nelayan asing.

“Ini selaras hasrat kerajaan untuk mengurangkan tenaga kerja asing di negara ini dan industri perikanan melalui program ini sudah memulakan langkah ke arah usaha tersebut sedikit demi sedikit,” tambahnya.

Sim berada di Miri untuk lawatan kerja sehari bagi merasmikan dua vesel moden yang dibina Sarawak Slipways Sdn. Bhd. (Sarawak Slipways) di limbungan kapal milik syarikat itu di Krokop, semalam.

Tujuan lawatan itu juga bagi melihat vesel penangkapan ikan moden yang dibina Sarawak Slipways untuk syarikat BA Titan yang berpangkalan di Queensland, Australia, yang tertarik dengan kualiti vesel tersebut dan ciri-ciri moden yang ada pada harga yang berpatutan.

“Ini menunjukkan bot-bot nelayan yang dihasilkan di negara ini boleh mencapai tahap dan standard yang menepati keperluan dan dilengkapi peralatan moden sehingga mampu menarik minat nelayan atau ahli perniagaan asing, selain mempunyai gaya ala ‘resort’ yang boleh dijadikan serampang dua mata iaitu perikanan dan pelancongan,” tambah Sim lagi.

Di samping melakukan kerja-kerja menangkap ikan, rekaan menarik vesel itu juga membolehkannya membawa pelancong sama ada bersiar-siar di laut atau kaki pancing dalam dan luar negara untuk merencanakan aktiviti memancing, terutama laut dalam.

Sim juga yakin peralatan dan kelengkapan yang moden ini boleh menarik anak-anak muda untuk menceburi sektor perikanan kerana suatu hari kelak mereka pasti membuka mata dan mampu melihat bahawa sektor perikanan boleh membawa pulangan lumayan dengan kos munasabah.

“Terkini kementerian ini bersama 15 agensi kerajaan dan syarikat telah bekerjasama dalam program pemodenan ini, antaranya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Agrobank, MIDA, MIGHT, NEKMAT serta syarikat pembina vesel, pereka bentuk vesel dan pertubuhan yang memberi pengiktirafan (RO) dan juga pemilik premis yang menyokong sepenuhnya pemodenan vesel penangkapan ikan ini,” tambahnya.

Turut hadir mengiringi Sim ialah Ahli Parlimen Miri Dr Michael Teo, Pengarah Perikanan Sarawak Bohari Leng, Pegawai Perikanan Bahagian Miri Buniamin Kiprawi, Pengarah Urusan Sarawak Slipways Thomas Chew serta Pengarah Eksekutif Teknikal Roger Chew Pak Kan.

Sementara itu, Bob Instey, pemilik baharu kedua-dua vesel berkenaan yang juga nelayan moden dan usahawan mengakui berpuas hati dengan pembina dan hasil vesel berkenaan, sekali gus merancang untuk membeli dua lagi bagi menampung keperluan perikanan laut dalam syarikatnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	22

**Ipoh:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak melarang pemilik anjing di Taiping dan Bukit Gantang membawa keluar haiwan peliharaan mereka dari daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) tanpa kebenaran.

Larangan itu susulan keputusan kerajaan negeri merwartakan daerah berkenaan sebagai kawasan jangkitan penyakit anjing gila atau rabies.

Pengarah JPV negeri, Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, beberapa langkah perlu dipatuhi apabila sesuatu kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan penyakit rabies.

Katanya, langkah itu termasuk larangan membawa keluar mana-mana anjing dari mukim Taiping dan Bukit Gantang tanpa kebenaran daripada Pengarah JPV negeri.

"Pemilik atau mana-mana orang yang bertanggungjawab terhadap anjing dalam kedua-dua mukim berkenaan hendaklah menyimpan

## RABIES

# Pemilik dilarang bawa keluar anjing

haiwan itu di bawah kawalan ketat dengan mengurung dalam kawasan tertutup.

"Pemilik juga perlu mengikat haiwan berkenaan dengan selamat menggunakan rantai, tali pintal atau kulit pada leher," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Ahmad Shafri berkata, mana-mana anjing ditemui dalam kawasan jangkitan tanpa mematuhi langkah-langkah ditetapkan akan berdepan risiko dilupuskan.

Beliau berkata, seperti yang termaktub dalam Perintah Pemvaksinan Pencegahan Penyakit Anjing Gila, semua anjing berumur tiga bulan dan ke atas berada dalam kedua-dua mukim ini hendaklah diserahkan kepada JPV untuk disuntik

vaksin.

Menurutnya, mengikut Akta Binatang 1953 (Seman 2006) dan (Pindaan) 2013, mana-mana pemilik anjing didapati tidak mematuhi langkah kawalan itu boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau hukuman penjara sehingga tiga bulan.

"JPV amat mengharapkan kerjasama orang ramai di kedua-dua mukim ini dengan memastikan anjing peliharaan mereka mendapat suntikan vaksin rabie.

"Oleh itu semua pemilik diminta mengurung haiwan peliharaan termasuk kucing bagi mengelakkan berlakunya gigitan daripada anjing berkeliaran dikhuatiri sudah dijangkiti rabies," katanya.

## Bukit Kayu Hitam

### Hubungan baik pantau virus chikungunya

Hubungan baik Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan Pejabat Kesihatan Wilayah Songkhla melalui satu jawatankuasa memudahkan kedua-dua negara memantau virus chikungunya.

Pengarahnya, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, hubungan baik itu adalah menerusi Jawatankuasa *Border Health Goodwill Subcommittee*.

Beliau berkata, pemantauan sentiasa dilakukan di pintu masuk antarabangsa Sempadan Malaysia-Thailand di Kedah



**DR Norhizan**

iaitu Bukit Kayu Hitam, Kota Putra Durian Burung dan Pulau Langkawi.

Katanya aktiviti pencegahan dan kawalan vektor secara berkala seperti pemeriksaan pembiasaan Aedes dan kajian ovitrap juga dilakukan secara kerap.

"Selain itu, aktiviti saringan demam ke atas pelawat turut dijalankan, individu dengan suhu badan tinggi diperiksa dan dirujuk ke klinik berhampiran bagi pemeriksaan selanjutnya,

"Sepanjang Disember tahun lalu 125,908 pelawat disaring dan tiada dikesan mengalami masalah demam," katanya.

## Tanjung Malim

### PBT diarah bantu tangani wabak

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies mengambil langkah menangani

wabak berkenaan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, jawatankuasa bertindak bagi menangani wabak itu adalah di bawah Menteri Besar mana-mana negeri terkesan.

# Rabies belum jangkiti manusia

**Mukim Taiping dan Bukit Gantang terus dipantau**

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

IPOH

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan tidak ada kes rabies atau penyakit anjing gila menjangkiti manusia di kawasan dalam kawasan diwartakan jangkitan rabies, Mukim Taiping dan Bukit Gantang setakat ini.

Bagaimanapun, status kesihatan dua mangsa gigitan anjing peliharaan keluarga mereka di Taman Seri Kota, Fasa Dua, Pokok Assam, Taiping pada 25 Disember lalu terus dipantau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meskipun sudah diberikan vaksin rabies.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kedua-dua mangsa dimasukkan ke wad Hospital Taiping pada hari sama dan discaj pada keesokan hari selepas menerima rawatan bagi kecederaan dialami.

Menurutnya, mangsa pertama merupakan seorang wanita berusia 50 tahun dan mangsa kedua adalah seorang lelaki berusia 25 tahun.

"Anjing yang menggigit mangsa dilupuskan oleh pemiliknya pada 3 Januari 2019 dan sampel daripada anjing berkenaan disahkan positif rabies pada 4 Januari 2019 oleh Institut Penyelidikan Veterinar.

"Berikutan itu, mangsa gigitan diberikan vaksin dan rabies immunoglobulin. Status kesihatan kedua-dua mangsa gigitan ini terus dipantau dan buat masa ini tidak menunjukkan sebarang gejala jangkitan rabies," katanya dalam satu kenyataan media, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, KKM mengambil maklum siaran media JPV yang telah mengumumkan bahawa Mukim Taiping dan Bukit Gantang di daerah Larut Matang dan Selama diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies berkuatkuasa pada 14 Januari 2019.



NOOR HISHAM

Menurutnya, pewartaan ini adalah susulan daripada empat anjing daripada kawasan itu disahkan positif rabies oleh VRI.

"Susulan itu, JPV Malaysia telah menjalankan surveilans anjing liar di lokasi terabit pada 11 Januari 2019 dan mendapati tiga daripada 30 sampel anjing adalah positif rabies.

"KKM ingin menasihati orang awam terutamanya di daerah Larut Matang dan Selama agar mengambil langkah-langkah pencegahan ditetapkan pihaknya bagi mengelakkan daripada jangkitan rabies di samping mematuhi arahan dikeluarkan pihak berkuasa.

"KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak komited dan akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan kerajaan Perak, JPV Malaysia serta agensi-agensi lain bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan rabies dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.



Kakitangan JPV Perak menjalankan pemeriksaan ke atas setiap rumah pemilik anjing di Pokok Assam, Taiping sejak kelmarin.

## Pemilik ditegah bawa anjing tanpa kebenaran

IPOH - Semua pemilik anjing di Mukim Taiping dan Bukit Gantang ditegah daripada membawa keluar mana-mana anjing dari daerah Larut, Matang dan Selama tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak.

Pengarahnya, Dr Ahmad Shafri Hassan berkata, tegahan itu dibuat susulan keputusan kerajaan negeri mewartakan daerah berkenaan sebagai kawasan jangkitan penyakit rabies berkuatkuasa 14 Januari lalu.

Menurutnya, apabila sesuatu kawasan diisytiharkan sebagai kawasan jangkitan penyakit anjing gila, langkah-langkah berikut perlu dipatuhi seperti tiada seorang pun boleh membawa keluar mana-mana anjing dari kawasan diwartakan jangkitan rabies tanpa kebenaran.

"Pemilik hendaklah menyimpan anjing mereka di bawah kawalan ketat dan mengurungnya di kawasan tertutup.

"Adalah ditegaskan bahawa mana-mana anjing dijumpai berada dalam kawasan jangkitan tanpa mematuhi langkah-langkah tersebut akan berdepan risiko dimusnahkan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Ahmad Shafri berkata ia telah termaktub dalam Perintah Pemvaksinan Pencegahan Penyakit Anjing Gila.

"Semua anjing berumur tiga bulan dan ke atas berada dalam kawasan Mukim Taiping dan Mukim Bukit Gantang, hendaklah diserahkan kepada JPV daerah untuk disuntik dengan vaksin.

"Ini akan membantu mengawal penyakit rabies daripada terus merebak," katanya.

Menurutnya di bawah Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006) dan (Pindaan) 2013, mana-mana

pemilik anjing didapati tidak mematuhi langkah-langkah kawalan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau hukuman penjara tidak lebih dari tiga bulan.

Pihak JPV Perak juga amat mengharap kerjasama orang ramai di kawasan berkenaan agar memastikan anjing peliharaan mereka mendapat suntikan vaksin rabies kerana penyakit itu boleh merebak daripada haiwan kepada manusia melalui air liur akibat gigitan atau terkena pada luka terbuka.

"Semua pemilik diminta mengurung anjing dan kucing peliharaan masing-masing bagi mengelakkan berlakunya gigitan daripada anjing berkeliaran yang dikhuatiri telah dijangkiti rabies.

"Buat masa ini, elak daripada mendekati anjing berkeliaran. Sekiranya berlaku gigitan, bersihkan luka dengan sabun dan jangan berelengah untuk mendapatkan rawatan di klinik kerajaan," katanya.

Dr Ahmad Shafri berkata, setakat ini empat kes positif rabies dikesan di kawasan Taiping di mana satu kes dikesan melalui ujian terhadap seekor anjing yang menggigit manusia manakala tiga lagi kes dikesan melalui ujian terhadap anjing berkeliaran di kawasan sekitar kes gigitan tersebut berlaku.

"Orang ramai diminta melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan atau JPV jika terdapat anjing berkeliaran di sekitar kediaman masing-masing ataupun mana-mana kawasan.

"Untuk sebarang aduan dan pertanyaan, sila hubungi Pejabat JPV Daerah Larut Matang dan Selama di talian 05-8072703," katanya.

### CEGAH RABIES!

#### ELAK DARI DIGIGIT ANJING

- 99 % jangkitan rabies berpunca dari gigitan anjing.
- 40 % kes rabies merupakan kanak-kanak.
- Kana-kanak lebih terdedah digigit kerana mereka tidak tahu mengenal pasti bahasa tubuh dan emosi anjing.



**KETAHUI BAHASA TUBUH & EMOSI ANJING**

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

FOTO: SITI HANIS/BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

# Kawalan sempadan diperketat elak penularan wabak rabies

**PENSIANGAN:** Sabah akan terus memperketatkan kawalan di pintu sempadan khususnya daerah berdekatan dengan negara jiran seperti Nabawan, Sipitang, Tawau dan Kalabakan bagi mengelak penularan wabak rabies ke negeri ini.

Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Dr Daud Yusof berkata kerajaan negeri juga mempergiat usaha melakukan suntikan vaksinasi untuk anjing di daerah bersempadan negara jiran.

“Tahun lalu, kita dikejutkan dengan mangsa pertama wabak rabies di Kuching, Sarawak. Penyakit ini dikesan dari Tebedu Kalimantan (Indonesia).

“Tebedu adalah laluan utama rakyat Sarawak untuk ke situ yang jaraknya hanya 63.2 kilometer,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Program Vaksinasi Rabies anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah Wilayah Keningau di Pagalungan, dekat sini, semalam.

Sebanyak 500 ekor anjing terdapat di kampung berhampiran sempadan negara jiran seperti Kampung Bantul, Pagalungan hingga ke Jeti Salung diberi suntikan vaksinasi mulai Selasa dan berakhir hari ini.


Dr Daud berkata program suntikan vaksinasi itu bertujuan mengelak anjing yang terdapat di negeri ini dijangkiti wabak tersebut, selain langkah berwaspada dan berjaga-jaga meskipun Sabah bebas daripada wabak rabies sejak 2004.

Beliau turut menggesa agensi berkaitan khususnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri supaya sentiasa meningkatkan kesiapsiagaan dan memperketat pemantauan di semua pintu masuk ke negeri ini.

Kesemua anjing yang dibawa masuk ke Sabah perlu melalui proses kuarantin sebelum disahkan selamat daripada sebarang bawaan penyakit, katanya.

“Masyarakat juga perlu memahami dan mematuhi undang-undang sedia ada. Haiwan dari luar negara perlu melalui pemeriksaan khusus terlebih dahulu sebelum dibawa masuk untuk dipelihara,” katanya. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	THE SUN	NEWS WITHOUT BOARDERS	5



A health department official conducting screening operations at Bukit Kayu Hitam, Kedah. – **BBXPRESS**

# Duo bitten by rabid dog cleared

► No symptoms detected after hospitalisation

■ BY **EDMUND LEE**  
newsdesk@thesundaily.my

**PETALING JAYA:** Two people who were bitten by a rabid dog in Taiping on Dec 25 have not shown symptoms of rabies.

Health Ministry Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said they were being monitored by the health department.

“No human rabies was detected so far,” he said in a statement yesterday.

The two, aged 25 and 50, who were bitten by their family dog were discharged on Dec 26 after they were admitted a day earlier.

The dog has since been put down and a brain sample tested positive for rabies at the Veterinary Research Institute in Ipoh.

The Veterinary Services Department conducted checks on stray dogs in the area on

Jan 11, advising those with pets to get rabies injections for them.

Noor Hisham said the ministry was cooperating with the Perak Health Department and Veterinary Department to ensure there are no rabies outbreaks.

Penang Veterinary Department also told *theSun* on Tuesday that the state is monitoring the situation to ensure it is under control.

Meanwhile, screening at all entry points have been stepped up to detect those infected with the Chikungunya virus for quarantine.

Noor Hisham said temperature screenings are being carried out on arrivals from Thailand, Singapore and Indonesia after an outbreak of the virus was detected in Hatyai.

“We have been on alert and consistently eliminating breeding grounds of Aedes mosquitoes,” he said in a statement yesterday.

Perlis health committee chairman Teh Chai Ann advised people in the state to refrain from visiting the southern Thai town for the time being while those returning from Thailand should immediately seek treatment if they have a fever or headache.



## PERAK

# 'Be responsible for your pets'

## Residents also want more proactive measures taken against rabies outbreak in Taiping, Bukit Gantang

By ILI AQILAH  
iliaqilah@thestar.com.my

RESIDENTS of Taman Sri Kota Phase 2 in Taiping are worried for their safety after Taiping and Bukit Gantang were declared rabies-infected areas.

Retiree Hasnah Sulaiman, 71, was informed about the news by her children in their family group chat.

"I am worried about my family's safety because my grandchildren play outside. But now they are only allowed to play inside the house compound," she said.

Hasnah added that only after she read the statement by the state Veterinary Services Department that she recalled seeing paramedics and officers in uniform visiting the area in December last year.

On Jan 14, department director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam announced that Taiping and Bukit Gantang in Perak were gazetted as rabies-infected areas.

This was following a report on Dec 31 last year when two family

“

If you know of anyone who has been bitten or attacked by stray animals, please bring them for immediate check-up.

A. Sivanesan

”

members in Taman Sri Kota Phase 2 were bitten by their pet.

In the statement, Dr Quaza said the dog was put down on Jan 3. Brain cell samples from the dog taken by the Veterinary Research Institute in Ipoh tested positive for rabies, he added.

On Jan 15, officers from veterinary department were seen making rounds in Taman Sri Kota Phase 2.

Hasnah said stray dogs would usually roam her neighbourhood

at night.

"We usually leave the gate open but because of the cases, we had to close it," she said.

Another retiree Lee Kim Kam, 58, said dog owners must be responsible for their pets.

"Both my dogs are vaccinated and I occasionally bring them to the vet for check-ups.

"I don't let them walk around residential areas because I worry about their safety since there are stray dogs roaming around," he added.

Yang Kin Chang, 80, who settled in Taman Sri Kota a few years ago, was unaware about the case until he was informed by the officers.

"They came to my house to inform me about the rabies cases. They advised me to not come into contact with stray animals.

"I rarely see any stray animals in this area, but there are a lot of stray dogs at the market nearby," said Yang.

State Health, Consumer Affairs, National Integration and Human Resources committee chairman A. Sivanesan urged the public to not



A veterinary department officer vaccinating pet dogs following a rabies outbreak in Taman Sri Kota Phase 2, Taiping. — RONNIE CHIN/The Star

worry as the matter was being handled by the veterinary department.

"We have prepared enough vaccine for the district and I advise pet owners to vaccinate their pets.

"If you know of anyone who has been bitten or attacked by stray animals, please bring them for immediate check-up,"

said Sivanesan.

Taiping Municipal Council (MPT) president Datuk Abd Rahim Md Ariff said the veterinary department and MPT were working together to catch stray dogs as an early prevention.

"It is still too early to judge if this is incident will effect Taiping's tourism industry," he said.

Headline	Imports of frozen chicken from China stopped three years ago since viral flu		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A21	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	220 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,340
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,020



(吉隆坡16日讯) 大马兽医局指出, 该局自2002年起批准从中国进口冷冻肉鸡, 但是在2016年7月发现进口的冷冻肉鸡有H5N6和H9N2禽流感后, 我国才暂停进口肉鸡。

该局今日针对东盟-中国经济贸易发展促进会总会日前的疑问发文告说, 2017年3月8日, 中国基于禽流感问题, 暂停进口金丝燕窝, 我国也在同年3月20日, 和中国商谈重新恢复金丝燕窝的贸易。

### 申請資料不完整

文告透露, 中国随后同意金丝燕窝进口, 条件是金丝燕窝必须经过热处理程序, 中国也要求让冷冻肉鸡出口到大马, 当时我国设下了“场域化”(compartmentalization)条件。为了符合这个目的, 中国只提出一家公司, 而且也符合相关条件。

“自那时开始, 我们接获了22个来自中国处理肉鸡的工厂名单建议, 以便让我国登记。”

文告指出, 2018年10月18日, 中国海关(GACC)来信通知我国, 所有工厂都不符合“场域化”条件, 除了一家公司。

文告说, 在研究中国海关的文件后, 我国发现这家公司提出的申请并不完整, 我国也在去年12月要求提出更多资料, 但是至今仍没从中方得到回应。

“我国必须遵循所设下的条件, 确保进口的食物是安全的; 我国是肉鸡食品的出口国, 出口价值约10亿令吉, 一旦感染禽流感, 就会影响我国的利益。”

东盟-中国经济贸易发展促进会总会长拿督吴国强日前非议农业部, 只允许一家中国公司将肉鸡出口至马来西亚, 并拖延其他公司的申请, 其中一家公司已投资逾2000万令吉。

# 3年前禁中國進口 冷凍肉雞含2禽流感

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24

17-01-2019

### Pasukan khas Jabatan Perikanan siasat

**Johor Bahru:** Jabatan Perikanan Johor menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat dakwaan hampir empat tan ikan bandaraya memenuhi sungai Skudai. Pengarahnya, Zamani Omar berkata, pasukan khas ditubuhkan selepas pihaknya mendapat maklumat mengenai perkara itu dan siasatan serta kajian perlu dilakukan bagi mengetahui puncanya.



ZAMANI

“Berita berkenaan mendakwa ia berlaku sejak 10 tahun lalu dan jumlahnya terlalu banyak, jadi kami tidak boleh terburu-buru dan memastikan keadaan sebenar. “Selain itu, kami perlu mencari punca kejadian bagi memastikan dapat mengambil langkah pencegahan supaya ia tidak berulang,” katanya dihubungi semalam. Menurutnya, selesai meneliti keadaan (sekiranya benar) dan mencari punca, mereka akan membuat kajian bagi memastikan kehadiran ikan berkenaan tidak mengganggu ekosistem sungai. Katanya, keadaan sama berlaku di Sungai Muar

beberapa tahun lalu di mana ada pihak membuang ikan keli Afrika hingga mengganggu ekosistem sungai berkenaan. “Hasil siasatan, kami dapati ikan keli Afrika dibuang oleh pengurusan sebuah tokong yang mendakwa ia membawa tuah. Selepas diberikan penerangan, mereka tidak mengulangi perbuatan itu dan kami mengambil langkah ‘semula jadi’ untuk melindungi hidupan sungai atau ekosistem Sungai Muar. “Alhamdulillah, keadaan terkawal dan pendekatan sama perlu diambil bagi memastikan ekosistem sungai terpelihara,” katanya.

OSMAN menunjukkan ikan bandaraya yang ditemui di hilir sungai berhampiran Taman Tampoi Utama.



**■ Kehadiran ikan tak boleh makan sebabkan nelayan rugi**

## Tombot biak mendadak

Ibrahim Isa  
ibrahim@nstp.com.my

Johor Bahru

**K**ehadiran ikan bandaraya atau lebih dikenali sebagai ikan tombot dalam kalangan nelayan sejak kebelakangan ini menyebabkan golongan itu kerugian, malah setiap kali selepas hujan, ikan tombot mencecah 15 kilogram (kg) akan terlekat di jaring. Ikan bandaraya yang biasanya hanya bersaiz kecil,

kini boleh ditemui dengan saiz besar sehingga ada yang menemui ikan bandaraya seberat 500 gram. Ketua Pengkalan Nelayan Taman Tampoi Utama Osman Kassim berkata, kehadiran ikan tombot itu yang tidak boleh dimakan dikesan sejak hampir 10 tahun lalu namun jumlahnya tidak banyak. “Malangnya, sejak pembangunan pesat di kawasan berhampiran beberapa tahun kebelakangan ini, jumlah ikan ini bertambah dengan mendadak. “Lebih malang, selepas

hujan, ikan ini akan naik dan melekat di jaring menyebabkan nelayan terpaksa menghabiskan masa membuangnya dan tidak boleh mencari ikan lain. “Sebelum ini, ikan itu hanya ditemui di hulu Sungai Skudai berhampiran pintu loji tadahan air di Skudai namun kini ia boleh ditemui di hilir sungai berhampiran Taman Tampoi Utama,” katanya. Menurutnya, sebelum ini nelayan boleh menjaring ikan patin, keli, talapia, baung atau terebol namun sejak pembangunan pesat, mereka hanya boleh men-

jaring patin atau keli. “Kami tidak pasti apa puncanya jumlah ikan lain berkurangan, sama ada air tercemar akibat pembangunan atau kehadiran ikan tombot ini. “Sebelum ini, ikan tombot hanya ditemui di kawasan hulu namun sejak kebelakangan ini, ia boleh ditemui di sini,” katanya. Nelayan, Badrul Hisham Mohamed, 51, yang berasal dari Kampung Seri Jaya Baru berharap pihak berkaitan dapat melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah terbabit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	AMANAH MINGGUAN	NASIONAL	10

## Bekalan ikan cukup, LKIM jamin harga kekal



Faiz Fadzil

**LEMBAGA** Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bahawa harga makanan laut terutama ikan tidak akan mengalami peningkatan walaupun keadaan cuaca yang tidak menentu pada masa ini.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihak LKIM telah membuat persediaan awal bagi memastikan bekalan stok ikan mencukupi.

"Kita jamin harga ikan tidak akan naik sebab kita ada membuat persediaan awal bagi memastikan stok adalah mencukupi. Pihak LKIM menerusi pelbagai pihak di bawah agensi ini ada menyimpan dan menambah stok ikan dan kita juga ada bekalan ikan sejuk segar dengan harga murah, jadi usaha yang kita buat itu akan dapat menstabilkan harga ikan.

"Kita tidak ada satu punca kuasa untuk menetapkan harga ikan di pasaran jadi kita perlu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan tidak ada kenaikan harga mendadak, tapi di peringkat LKIM apa yang kita mampu lakukan ialah kita akan memastikan bekalan ikan mencukupi dan harga ikan stabil terutama pada musim tengkujuh," katanya di ibu negara, 5 Januari lalu.

Menurutnya, kerajaan juga mengambil langkah bagi menghadkan pengeksportan ke luar negara bagi memastikan bekalan makanan itu di dalam negara mencukupi.

"Sepanjang Januari dan Februari ini, kerajaan telah hadkan pengeksportan beberapa jenis ikan ke luar negara seperti ikan kembong, bawal dan sebagainya. Usaha ini untuk memastikan ikan dalam negara mencukupi, ada juga peniaga yang eksport ke luar tapi kita telah arahkan untuk hadkan eksport ikan berkenaan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	2



HARGA ikan di pasaran kini turun.

**Kuala Lumpur:** Harga ikan di pasaran kini turun antara RM3 dan RM6 sekilogram sejak dua hari lalu berikutan larangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengeksport ikan ke luar negara selain faktor perubahan cuaca serta angin yang bertambah baik.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahar berkata, larangan itu yang berkuat kuasa sejak awal tahun sehingga akhir Februari ini sempena sambutan Tahun Baharu Cina mula menam-

## Harga ikan dah turun

pakkan kesan positif di pasaran.

“Keadaan laut juga tidak bergelora dan nelayan di pantai timur serta pantai barat boleh turun ke laut dengan mendapat hasil tangkapan yang memuaskan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Abdul Hamid berkata, disebabkan itu juga harga ikan murah di pasaran seperti ikan kembung, selar, sardin dan pelaling.

Penjual ikan di pasar Chow Kit, Liew Lee Chin berkata, sejak dua hari lalu harga semua jenis ikan turun.

“Sebelum ini harga sekilogram ikan kembung RM15 tetapi hari ini (semalam) hanya RM11 dan selar pula RM10, dulu RM16. Harga ikan sardin dulu RM11 sekilogram, hari ini RM8 sahaja.

“Penguat kuasa dari DBKL pun ada datang memeriksa harga ikan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/1/2019	HARAKAH	NEGERI	N14



**Huzaimy Che Hussin bersama nelayan di Pantai Pulau Belongan.**

## Nelayan dapat bantuan baiki bot, pukat

**BACHOK:** Mengambil kira kesusahan dihadapi nelayan di jajahan Bachok kerajaan negeri menyumbang sebanyak RM30,000 bagi menyediakan peralatan menangkap ikan.

Bantuan itu diberikan mengikut keperluan

nelayan termasuk membaik pulih enjin bot, membeli pukat atau kelengkapan lain.

Adun Pantai Irama Mohd Huzaimy Che Husin berkata, sebanyak RM300 hingga 1,000 diberi kepada setiap nelayan berdasar keperluan mereka.

“Jumlah peruntukan itu memang tidak mencukupi untuk membantu nelayan namun sedikit sebanyak dapat membantu menyediakan kelengkapan yang diperlukan,” katanya di sini.

Mohd Huzaimy juga berkata, sumbangan itu

melalui peruntukan portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar.

Menurutnya juga sebahagian besar nelayan di Bachok tinggal di Dun Pantai Irama.